



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN/ ONLINE**

NAMA KURSUS : PERANCANGAN SUMBER MANUSIA
KOD KURSUS : DSM 2093
PEPERIKSAAN : JUN 2022
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian. BAHAGIAN A (60 MARKAH)
BAHAGIAN B (40 MARKAH)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini
3. Jawab SEMUA soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **16** HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **TIGA PULUH (30)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan.

1. Apakah maksud perancangan sumber manusia?
 - A Menyatukan budaya perkauman dalam organisasi.
 - B Memastikan pengurus mempunyai kemahiran yang betul.
 - C Mengelakkan lebihan dan kekurangan pekerja dalam organisasi.
 - D Menyatukan pengurus atasan dan pengurus bawahan dalam organisasi.

2. Perancangan sumber manusia merupakan proses di mana pengurus memastikan bahawa mereka mempunyai jumlah dan ciri-ciri pekerja yang diperlukan pada tempat dan masa yang sesuai. Yang berikut merujuk kepada
 - A *top-down planning*.
 - B *bottom-up planning*.
 - C perancangan agregat.
 - D perancangan penggantian.

3. McDonald telah membuka sebuah cawangan baharu di daerah Kota Tinggi dan memerlukan pekerja untuk mengendalikan makanan. Pilih strategi yang digunakan oleh McDonald untuk membuat pengambilan pekerja di cawangan ini.
 - i. Menawarkan gaji yang menarik.
 - ii. Menyediakan faedah perubatan.
 - iii. Menyediakan latihan semasa bekerja.
 - iv. Menyediakan uniform kepada pekerja.
 - A i dan ii
 - B ii dan iii
 - C i, ii dan iii
 - D Semua di atas

4. Maklumat yang berikut boleh diperolehi dalam satu dokumen rasmi perancangan sumber manusia.

- Tajuk kerja
- Ringkasan kerja
- Tanggungjawab kerja
- Hubungan autoriti

Pernyataan 1

Pernyataan di atas tentang

- A** analisis kerja.
 - B** kontrak kerja.
 - C** analisis kerja.
 - D** diskripsi kerja.
5. Cik Zety ialah pekerja baru di Syarikat Asus Sdn. Bhd. Pihak syarikat telah menempatkan beliau di Jabatan Pemasaran. Namun begitu, beliau kurang selesa dengan persekitaran kerja di syarikat berkenaan. Sebagai seorang Pegawai Sumber Manusia, apakah yang perlu dilakukan bagi meningkatkan keselesaan kepada pekerja baharu seperti Cik Zety?
- i. Memberi motivasi
 - ii. Meningkatkan kreativiti
 - iii. Meningkatkan kesetiaan
 - iv. Meningkatkan kemahiran
- A** i dan iii
 - B** ii dan iii
 - C** i, ii dan iv
 - D** ii, iii dan iv

6. Puan Syaza sedang menyediakan deskripsi kerja suatu jawatan kosong seperti pernyataan di bawah


- Mengendalikan urusan surat-menyurat.
- Mengendalikan resit dan invoice pembelian dan jualan.
- Menyediakan laporan dan minit mesyuarat jabatan.

Pernyataan 2

Jawatan yang sesuai dengan maklumat di atas ialah

- A** kerani.
 - B** Pegawai ICT.
 - C** Pegawai Penilaian Prestasi.
 - D** Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
7. Syarikat Jannah Sdn. Bhd akan melaksanakan temu duga secara bersemuka bagi jawatan operator. Seramai 150 orang calon yang telah dipanggil untuk sesi temu duga. Sesi temu duga berkenaan perlu dilaksanakan dalam tempoh satu hari. Apakah teknik temu duga yang sesuai dilaksanakan oleh Syarikat Jannah Sdn. Bhd
- A** Temu duga panel.
 - B** Temu duga individu.
 - C** Temu duga soal selidik.
 - D** Temu duga berkumpulan.

8.



Gambar 1

Berdasarkan gambar di atas, apakah jenis temuduga yang dilaksanakan dalam organisasi berkenaan?

- A Temu duga perorangan.
 - B Temu duga berstruktur.
 - C Temu duga berkumpulan.
 - D Temu duga tidak berstruktur.
9. _____ digunakan untuk meramal keperluan sumber manusia dalam jumlah yang banyak.
- A Analisis trend
 - B Analisis nisbah
 - C Analisis senario
 - D Analisis regresi

10. Pekerja di Syarikat Lantara Sdn. Bhd. telah membuat keputusan untuk berhenti kerja kerana pihak pengurusan tidak menjaga kebajikan pekerja. Pekerja telah diarahkan untuk bekerja lebih masa sehingga menjejaskan kesihatan mereka. Sekiranya keadaan ini berterusan, apakah kesan yang mungkin akan berlaku kepada syarikat berkenaan?
- A Pekerja kurang bermotivasi.
 - B Kepuasan kerja berkurangan.
 - C *Turnover* / pusing ganti pekerja.
 - D *Retrechment* / pengurangan pekerja.
11. Puan Zana diarahkan untuk membuat ramalan keperluan sumber manusia pada tahun 2023. Memandangkan permintaan terhadap produk syarikat bagi tahun 2023 berlaku peningkatan sebanyak 70%, Puan Zana telah membuat andaian bahawa permintaan terhadap sumber manusia juga turut meningkat. Apakah teknik yang sesuai digunakan oleh Puan Zana untuk melaksanakan ramalan keperluan sumber manusia?
- A Analisis trend.
 - B Analisis markov
 - C Analisis senario.
 - D Kaedah kumpulan nominal.
12. Manakah antara berikut merupakan contoh kepada analisis senario?
- A Pengurus meramal pekerja akan mogok jika tidak diberi bonus raya .
 - B Pengurus akan mengarahkan pekerja melaksanakan gotong-royong.
 - C Pengurus yakin pekerja akan redha jika diberi bantuan RM100 untuk bantuan banjir.
 - D Pengurus menjangkakan keadaan ekonomi negara semakin stabil dalam fasa endamik Covid-19.

13. Mengapakah majikan cenderung menggunakan analisis regresi berbanding kaedah delphi dalam meramal keperluan sumber manusia?

	Analisis regresi	Kaedah delphi
A	Pengurus menggunakan formula matematik.	Melibatkan pakar-pakar yang profesional.
B	Digunakan untuk tempoh masa yang lama.	Melibatkan perbincangan dua pihak.
C	Digunakan oleh firma besar.	Merupakan anggapan dari pegawai sumber manusia.
D	Analisis ini bersifat pemboleh ubah..	Setiap ramalan yang dijangka perlu diringkaskan.

14.




Gambar 2

Gambar di atas berkaitan dengan

- A struktur organisasi.
- B penempatan pekerja.
- C penyelesaian masalah.
- D standard prosedur operasi tugas.

15.



Rajah 1

Rajah 1 menerangkan

- A carta organisasi.
 - B carta penggantian.
 - C carta turun jawatan.
 - D carta kenaikan pangkat.
16. Encik Kamal bekerja di Syarikat Pelancongan Tour Sdn. Bhd. Dia telah dipecat oleh majikannya dua bulan lepas kerana syarikat tempat dia bekerja mengalami kerugian disebabkan penularan Covid-19. Bekas majikan Encik Kamal telah menghubunginya untuk meminta beliau bekerja semula di syarikatnya. Apakah strategi yang telah digunakan oleh pihak syarikat itu?
- A Penamatan sementara (*Layoff*)
 - B Penamatan pekerja (*Termination*)
 - C Pembesaran kerja (*Job enlargement*)
 - D Pengurangan pekerja (*Retrenchment*)

17. Beberapa orang staf termasuk Puan Ani telah bersetuju untuk meletakkan jawatan setelah berunding dengan majikannya. Hal ini disebabkan majikan telah berjanji akan memberikan pampasan kepada pekerja berdasarkan tempoh perkhidmatan.

Pernyataan 3


Pernyataan di atas menerangkan

- A *Mutual Separations Scheme (MSS)*.
 - B skim persaraan awal pekerja kanan.
 - C skim insentif pemberhentian pekerja.
 - D *Voluntary Separation Scheme (VSS)*.
18. Puan Maznah merupakan seorang Penolong Pengurus Sumber Manusia di RHB Berhad cawangan Shah Alam. Beliau telah diminta untuk bertugas di RHB Berhad cawangan Melaka bermula 1 Julai 2022 dengan diskripsi tugas yang masih sama sebagaimana sebelum ini. Apakah kelebihan yang akan diperoleh oleh Puan Maznah dengan pertukaran cawangan ini?
- A Pekerja mendapat majikan baharu.
 - B Pekerja menyukai kerja yang dilakukan.
 - C Pekerja memperoleh pengalaman baru.
 - D Pekerja membangunkan rangkaian rakan sekerja yang baru.

- 19.** Pada pendapat anda, apakah kebaikan sekiranya syarikat melaksanakan teknik pengambilan pekerja luar?
- Pekerja berkongsi kepakaran.
 - Pekerja perlu membuat laporan.
 - Pekerja mahukan insentif syarikat.
 - Pekerja mampu menyelesaikan masalah.
- A** i, dan ii
B i dan iv
C ii dan iii
D iii dan iv
- 20.** Encik Zamani mendapati bahawa telah berlaku lebihan pekerja dalam organisasi. Bagi mengimbangi keperluan tenaga kerja yang sedia ada, apakah tindakan yang boleh dilakukan oleh Encik Zamani?
- A** Mengekalkan pekerja sedia ada.
B Menambahkan jumlah jam bekerja.
C Menamatkan kontrak pekerja sementara.
D Mengekalkan pekerja untuk bersara awal.
- 21.** Puan Siti ialah penyelia di Syarikat Zamrud. Beliau telah ditugasan untuk membuat laporan audit bulanan, minit mesyuarat serta memantau pengurusan audit dalam organisasi. Tanggungjawab yang diberikan kepada Puan Siti oleh pihak Syarikat Zamrud berkaitan dengan
- A** perancangan kerja.
B perkongsian pengalaman kerja.
C perekrutan pekerja dalam organisasi.
D pelaksanaan penilaian ke atas pekerja.

22. Mengapakah seorang bakal graduan perlu mempunyai *soft skill* sebelum memasuki pasaran industri?
- A Dapat berkomunikasi dengan berkesan.
 - B Dapat merancang dan menguruskan diri.
 - C Meningkatkan kebolehan pasaran graduan.
 - D Berkeupayaan untuk menyelesaikan masalah.
23. Yang manakah antara berikut **bukan** kelebihan pusingan kerja dalam organisasi?
- i. Memastikan daya saing yang tinggi.
 - ii. Kemahiran tambahan kepada pekerja.
 - iii. Menjamin kelancaran proses keselamatan.
 - iv. Memenuhi piawaian latihan kepada pekerja.
- A i, dan ii
 - B i dan iv
 - C ii dan iii
 - D ii dan iv

24.



Rajah 2

Berdasarkan rajah 2 di atas, apakah yang diwakili oleh X?

- A Pengecilan saiz (downsizing).
- B Diskripsi kerja (Job Description).
- C Pengkayaan kerja (Job Enrichment).
- D Pembesaran kerja (Job Enlargement).

25. Antara yang berikut, manakah yang berkaitan dengan tindakan pihak pengurusan dalam reka bentuk sistem kerja?

- i. Semua pekerja dilindungi insurans.
- ii. Pekerja akan fokus pada satu kerja.
- iii. Pekerja diberikan jadual kerja secara bulan.
- iv. Semua pengambilan pekerja memenuhi piawaian.

- A i, ii dan iii
- B i, iii dan iv
- C i, ii dan iv
- D ii, iii dan iv

26.

Pegawai Sumber Manusia haruslah menyemak calon dengan teliti untuk memilih calon pekerja yang berkualiti.

Pernyataan 4

Apakah yang dimaksudkan dengan pernyataan 4 di atas?

- A Pemeriksaan rujukan.
- B Rujukan rakan sekerja.
- C Rujukan unit dan bahagian.
- D Pemeriksaan penilaian prestasi.

27. Kaedah perekrutan luaran digunakan untuk mendapatkan tenaga pakar baharu bagi menaik taraf produk dalam syarikat. Namun begitu terdapat kekurangan yang perlu diatasi **kecuali**

- A maklumat calon tidak diketahui.
- B memerlukan tempoh masa yang lama.
- C menjejaskan pemohon dalam organisasi.
- D mengetuai unit yang terdapat dalam perniagaan.

28.

ALOR SETAR: Buat julung kali, Universiti Antarabangsa Albukhary (AIU) menganjurkan program Pameran Kerjaya di kampusnya di sini dengan misi pengangguran sifar dalam kalangan penuntut universiti itu, baru-baru ini. Lebih menarik, program dua hari anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar AIU dengan kerjasama Yayasan NAMA serta Majlis Perwakilan Pelajar (SRC) AIU itu bukan sahaja terbuka untuk alumni serta pelajar tahun akhirnya tetapi juga untuk orang ramai.

Dalam majlis berkenaan, sesi dialog kerjaya, ceramah kerjaya dan sesi temu duga terbuka dilakukan bagi memberi peluang kepada pelajar dan pengunjung yang hadir mengambil bahagian.

Selain itu, Pameran Kerjaya ini turut disertai oleh pelbagai syarikat dan agensi kerajaan termasuk Invest Penang, Pos Malaysia, Modenas, Perkeso, Proton, DRB-HICOM, G-Crystal, dan Altel Holdings,”

Sumber: UTUSAN ONLINE, 3 Jun 2022

Petikan 1

Apakah kaedah yang digunakan oleh syarikat dan agensi kerajaan yang menyertai pameran kerjaya berkenaan bagi mendapatkan calon pekerja yang betul-betul berkelayakan?

- A Pameran kerjaya.
- B Agensi pekerjaan.
- C Rujukan pensyarah.
- D Perekrutan di universiti.

29. Syarikat memerlukan kepakaran tenaga mahir dalam bidang kejuruteraan. Oleh sebab itu, syarikat telah menggunakan agen perekrutan untuk membantu mencari calon yang layak dalam bidang tersebut. Apakah kaedah yang sesuai digunakan oleh syarikat berkenaan?

- A *Formal job posting.*
- B Inventori kemahiran.
- C Penyumberan luar.
- D Agensi pekerjaan swasta.

30. Manakah antara berikut merupakan komponen utama dalam mengiklankan jawatan kosong?

- i. Mencetuskan tindakan segera.
- ii. Pengambilan pekerja memenuhi piawaian.
- iii. Mewujudkan keinginan terhadap kepuasan kerja.
- iv. Membentuk minat terhadap jawatan yang diiklankan.

- A i, ii dan iii
- B i, iii dan iv
- C i, ii dan iv
- D ii, iii dan iv

[60 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Jawab semua soalan. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.

SOALAN 1

Huraikan **lima (5)** tujuan perekrutan dan pemilihan pekerja.

(10 markah)

SOALAN 2

Puan Salmah merupakan Pengurus Sumber Manusia di Syarikat XYZ dan beliau ingin melaksanakan perekrutan dalaman bagi jawatan Pengurus Operasi. Bantu Puan Salmah untuk mengenal pasti kaedah yang sesuai dalam melaksanakan perekrutan berkenaan.

(10 markah)

SOALAN 3

Encik Abu Bakar merupakan Pegawai Sumber Manusia di Syarikat Toyoto Sdn. Bhd. Beliau perlu membuat ujian pemilihan kepada calon yang telah berjaya melepasi sesi temu duga bagi jawatan Pegawai Keselamatan. Cadangkan kepada Encik Abu Bakar, apakah ujian pemilihan yang sesuai dilaksanakan untuk calon bagi jawatan berkenaan?

(10 markah)

SOALAN 4

Datuk Kamil ialah Pengurus Besar dari Syarikat J&T Expres Sdn Bhd. Beliau memerlukan seorang pembantu peribadi yang baharu. Datuk Kamil telah memberhentikan pembantu peribadi yang lama kerana telah menipu maklumat peribadi. Apakah yang perlu dilakukan oleh Datuk Kamil untuk memastikan bahawa maklumat calon pemohon yang baharu adalah benar?

(10 markah)

[40 MARKAH]